



InternationalExclusive

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) menyediakan beberapa maklumat utama yang perlu anda pertimbangkan sebelum anda membeli polisi insurans perubatan yang paling memenuhi keperluan anda. Anda harus membaca polisi insurans anda dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang perlindungan anda.

KETAHUI LEBIH LANJUT:



Langkah 1 Adakah polisi ini sesuai untuk anda?

- Polisi ini meliputi perbelanjaan kemasukan ke hospital dan pembedahan ("H&P") yang ditanggung akibat penyakit yang dilindungi sehingga tempoh polisi selama 80 tahun.
- Premium anda akan digabungkan dengan premium pemilik polisi lain untuk membayar tuntutan. Jika jumlah tuntutan yang dibayar daripada kumpulan dana adalah tinggi, premium untuk semua pemilik polisi dalam kumpulan yang sama mungkin meningkat, termasuk premium anda **walaupun anda tidak membuat tuntutan.**

Langkah 2 Adakah ia memenuhi keperluan anda?

Apakah yang dilindungi?	Apakah yang tidak dilindungi?
<ul style="list-style-type: none">• Bilik Hospital dan Makan: Bilik persendirian standard• Perbelanjaan pembedahan: Seperti yang dikenakan, tertakluk kepada Caj Munasabah & Biasa Diamalkan & Had Tahunan Keseluruhan <p>Manfaat yang perlu dibayar adalah atas dasar tanpa tunai dan tertakluk kepada:</p> <ul style="list-style-type: none">• Had tahunan: dari RM3 juta hingga RM9 juta• Had seumur hidup: Tidak berkenaan	<ul style="list-style-type: none">• Keadaan perubatan yang anda alami, atau mengalami simptom, sebelum membeli pelan (iaitu keadaan sedia ada) semasa tempoh menunggu yang ditetapkan.

Ini bukan senarai lengkap. Sila baca polisi anda dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang apa yang dilindungi dan apa yang tidak dilindungi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

Langkah 3 Bolehkah anda menanggung peningkatan premium dari semasa ke semasa?

Jadual Unjuran Premium untuk InternationalExclusive Pelan 3 – Asia Zon 6

Umur	Premium semasa mengikut umur yang dicapai (RM)		Premium anggaran				Dalam jangka panjang, anda boleh mengurangkan premium yang perlu dibayar dengan memilih pelan dengan: (a) Had tahunan yang lebih rendah.
			Berdasarkan inflasi perubatan sebanyak 7% ¹ setahun (RM)		Berdasarkan inflasi perubatan sebanyak 10% setahun (RM)		
Jantina	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
30	6,792	6,792					
35	8,465	8,465	11,873	11,873	13,633	13,633	
40	10,548	10,548	20,750	20,750	27,359	27,359	
45	13,019	13,019	35,920	35,920	54,384	54,384	
50	15,463	15,463	59,837	59,837	104,027	104,027	
55	18,811	18,811	102,095	102,095	203,812	203,812	
60	24,233	24,233	184,468	184,468	422,851	422,851	

• Unjuran di atas adalah semata-mata untuk **tujuan ilustrasi sahaja**.


• Premium adalah dipengaruhi oleh peningkatan kos rawatan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan oleh pemilik polisi. Ini boleh menyebabkan kadar inflasi perubatan sebenar menjadi lebih tinggi atau lebih rendah daripada ilustrasi di atas. Kami sedang melaksanakan langkah-langkah kawalan kos yang diperlukan dengan kerjasama pihak berkepentingan lain untuk menguruskan peningkatan premium

dari semasa ke semasa.

- Sebahagian besar premium anda akan digunakan untuk membayar tuntutan. Secara purata, bagi setiap RM1.00 premium yang dibayar, RM0.72² diperlukan untuk membayar tuntutan. Baki selebihnya digunakan untuk membayar komisen kepada pengantara, perbelanjaan pengurusan dan keuntungan penanggung insurans.

¹ Ini adalah peningkatan tahunan dalam kos rawatan purata yang dicaj oleh hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun 2020 hingga 2023.

² Ini adalah berdasarkan data purata industri insurans dan takaful dari tahun 2021 hingga 2023. Pengalaman sebenar pelan yang anda beli mungkin berbeza daripada purata industri.



Sekarang: Premium cukup meliputi Tuntutan dan Lain-lain*

*Lain-lain termasuk Komisen, Perbelanjaan Pengurusan dan Keuntungan

Masa Depan: Timbul daripada inflasi perubatan, Premium mungkin tidak mencukupi untuk menampung Tuntutan dan Lain-lain*

Nota: Carta ini tidak dilukis mengikut skala

Langkah 4 Apakah perkara lain yang perlu anda ketahui?

- Anda mesti menjawab soalan yang kami ajukan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil perhatian yang munasabah dalam menjawab soalan boleh mengakibatkan penolakan tuntutan anda atau penamatian polisi anda.
- Jika anda memutuskan untuk tidak mengambil polisi ini dalam tempoh 15 hari kalender selepas polisi diserahkan kepada anda, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkan polisi anda dan menerima bayaran balik penuh (tolak sebarang perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung).
- Perlindungan anda akan bermula serta-merta selepas tarikh mula kuat kuasa polisi, kecuali untuk manfaat tertentu yang mempunyai tempoh menunggu yang ditetapkan. Manfaat-manfaat ini, yang tidak akan dibayar semasa tempoh menunggu, termasuk perlindungan untuk keadaan sedia ada, pemeriksaan kesihatan, komplikasi sebelum dan selepas bersalin, kehamilan dan kelahiran anak, hospis dan penjagaan paliatif.
- Komisen³ yang dibayar kepada pengantara ialah 15% daripada premium tahunan.

Ini bukan senarai lengkap. Sila baca kontrak polisi anda dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang terma dan syarat utama.

³ Angka ini adalah berdasarkan premium semasa mengikut umur yang dicapai.

Langkah 5 Adakah anda telah mempertimbangkan produk lain yang mungkin sesuai dengan keperluan anda?

Jadual Pilihan Produk

	Produk yang Disyorkan	Pilihan Produk Alternatif	
Nama	InternationalExclusive Pelan 3 – Asia Zon 6	Pilihan 1 InternationalExclusive Pelan 4 (Pesakit dalam) – Asia Zon 6	Pilihan 2 SmartCare Optimum Plus Pelan 1 (Pelan Tunai) (Deduktibel pada 30% diskaun)
Premium Tahunan	Lelaki, umur age 35: RM8,465	RM4,762 <i>Premium tahunan adalah lebih rendah sebanyak RM3,703</i>	RM1,138 <i>Premium tahunan adalah lebih rendah sebanyak RM7,327</i>
	Perempuan, umur 35: RM8,465	RM4,762 <i>Premium tahunan adalah lebih rendah sebanyak RM3,703</i>	RM1,126 <i>Premium tahunan adalah lebih rendah sebanyak RM7,339</i>
Jenis	Kemudahan tanpa tunai <i>Kami bayar terus ke hospital</i>	Kemudahan tanpa tunai <i>Kami bayar terus ke hospital</i>	<i>Bayar Dahulu, Tuntut Kemudian</i> <i>Anda bayar rawatan dahulu dan tuntutan dari kami kemudian</i>
Tempoh Perlindungan	Sehingga umur 80 <i>Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium adalah tidak dijamin</i>	Sehingga umur 80 <i>Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium adalah tidak dijamin</i>	Sehingga umur 100 <i>Pembaharuan adalah dijamin tetapi kadar premium adalah tidak dijamin</i>

Deduktibel	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	Deduktibel sebanyak RM10,000 setiap tahun
Bilik Hospital dan Makan	Bilik persendirian standard	Bilik persendirian standard	RM500 setiap hari
Perbelanjaan Pembedahan	Seperti yang dikenakan	Seperti yang dikenakan	Seperti yang dikenakan
Had Tahunan	RM3 juta	RM3 juta	RM2.1 juta
Had Seumur Hidup	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan

• Deduktibel: Amaun tetap yang anda perlu bayar sebelum perlindungan anda bermula. Cth. Deduktibel RM300 merujuk kepada jumlah yang perlu anda tanggung sendiri daripada poket anda, dan kami akan membayar baki perbelanjaan yang layak (sehingga had yang dikenakan).
• Had tahunan: Amaun maksimum yang anda boleh tuntut dalam setahun.
• Had seumur hidup: Amaun maksimum yang anda boleh tuntut sepanjang hayat anda.

Jadual ini tidak merangkumi semua ciri produk yang dibandingkan. Sila tanya kami/pengantara anda untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang perbezaan ciri antara produk-produk ini.

Pengakuan Pelanggan* (Pilihan)

Sila pastikan anda lengkapkan bahagian ini sendiri dan memahami sepenuhnya perkara yang anda tandatangani.

- Saya mengakui bahawa Generali Insurance Malaysia Berhad telah memberikan satu salinan LPP kepada saya.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LPP ini.

* Pengakuan pelanggan terhadap LPP ini tidak akan menjasarkan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.

.....

Nama:

Tarikh: